



10 FEB, 2021

Perluas pasar agro serata negeri

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

Pasar agro diperluas serata negeri

MUKA 6

Teliti semula lokasi

Perluas pasar agro serata negeri

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Tapak lokasi Pasar Agro Selangor yang sebelum ini beroperasi berhampiran pasar tani akan diteliti semula, kata EXCO pertanian dan asas tani.

Ir Izham Hashim berkata operasi pasar itu juga akan diperluas ke seluruh negeri bagi memudahkan orang ramai memperoleh hasil tani segar pada har-

ga berpatutan.

"Contohnya jika pasar tani dibuka di Seksyen 13 Shah Alam, kita berpandangan pasar agro sepatutnya beroperasi di kawasan lain bagi memastikan rakyat semua tempat mendapat manfaat.

"Cadangan ini sedang dipertimbangkan, Insya-Allah saya akan bincang dengan agensi berkaitan secepat mungkin," katanya selepas meninjau pasar tani di pekarangan Stadium Shah Alam pada

31 Januari.

Izham menjelaskan lokasi baharu pasar agro turut mengambil kira kesediaan pengusaha kerana ia melibatkan jualan terus dari ladang.

Lokasi itu meliputi Dengkil, Puchong, Petaling Jaya, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi, Pasar Tani Selayang, My Farm Outlet Putrajaya, Seksyen 13 dan Seksyen 15 di Shah Alam.



10 FEB, 2021

Perluas pasar agro serata negeri

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MUKA 6 Pasar agro diperluas serata negeri

Teliti semula lokasi

SHAH ALAM - Tapak lokasi Pasar Agro Selangor yang sebelum ini beroperasi berhampiran pasar tani akan diteliti semula, kata EXCO pertanian dan asas tani. Ir Izham Hashim berkata operasi pasar itu juga akan diperluas ke seluruh negeri bagi memudahkan orang ramai memperoleh hasil tani segar pada harga berpatutan.